



**DPB50163 BUSINESS PROJECT**

**LAPORAN AKHIR**

***INOVASI SISTEM E-FIQH DALAM MENAMBAHKAN PENGETAHUAN  
PELAJAR DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI***

SITI NAJMIJA BINTI MUHAMAD FAUZI	10DIB19F1001
NUR SYAZWANI BINTI NORMAN	10DIB19F1019
CHARUMATHY ANANTHAN	10DIB19F1045
SITI NURFAZILA BINTI JALALUDIN	10DIB19F1213

**SESI 1 2021/2022**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR</b>	<b>I</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR</b>	<b>II</b>
<b>PERAKUAN PELAJAR</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>V</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1-5
1.3 Pernyataan Masalah	5-6
1.4 Objektif Kajian	6-7
1.5 Justifikasi Kajian	7
1.6 Skop Kajian	7-8
1.7 Takrifan Istilah	8-9
1.8 Kepentingan Kajian	9-10
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Kajian-kajian Lepas	10
2.2.1 Kajian Berkaitan Usul Fiqh	10-11
2.2.2 Kajian Berkaitan Kerberkesanan Sistem E-Fiqh	11

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

<b>3.1 Pendahuluan</b>	<b>12</b>
<b>3.2 Rekabentuk Kajian</b>	<b>12</b>
3.2.1 tinjauan awal keperluan kajian	12-17
3.2.2 teknik penghasilan projek	17-22
3.2.3 bahan dan peralatan	22
3.2.4 kaedah analisis data	22-23

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

<b>4.1 Pendahuluan</b>	<b>24</b>
<b>4.2 Dapatan Kajian/Pengujian</b>	<b>24</b>
4.2.1 Projek Jenis Nyata	24 – 26
4.3 Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	26
4.3.1 Impak Produk	27-28
A) Impak Produk Terhadap Kos	27
B) Impak Produk Terhadap Masa	27
C) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Porduk	28
4.4 Kos penghasilan projek	28

### **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

<b>5.1 Pendahuluan</b>	<b>29</b>
<b>5.2 Kesimpulan</b>	<b>29 - 30</b>
<b>5.3 Cadangan</b>	<b>30</b>
5.3.1 Cadangan Kepada Pelajar Politeknik	30
5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat Lain.	30
5.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Pada Masa Akan Datang.	31
<b>5.4 Limitasi Kajian</b>	<b>31 - 32</b>
<b>5.5 Rumusan</b>	<b>32- 33</b>

**LAMPIRAN**

Lampiran 1

35 - 36

Lampiran 2

36

## **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 Business Project**, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

Laporan projek ini yang bertajuk “E-Fiqh” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK AMRI BIN SULONG



Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

## **PERAKUAN PELAJAR**

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 

Nama: SITI NAJMIJA BINTI MUHAMAD FAUZI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1001

2. Tandatangan: 

Nama: NUR SYAZWANI BINTI NORMAN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1019

3. Tandatangan: 

Nama: CHARUMATHY ANANTHAN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1045

4. Tandatangan: 

Nama: SITI NURFAZILA BINTI JALALUDIN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1213

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk **Inovasi Sistem E-Fiqh Dalam Menambahkan Pengetahuan Pelajar Di Kolej Kediaman Politeknik Seberang Perai**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Encik Amri bin Sulong, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, Inovasi Sistem E-Fiqh Dalam Menambahkan Pengetahuan Pelajar Di Kolej Kediaman Politeknik Seberang Perai** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sistem E-Fiqh merupakan sebuah laman web yang telah diinovasikan oleh empat orang pengkaji. Laman web e-fiqh merupakan satu nota ringkas yang telah diambil daripada buku teks *Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh*. Produk inovasi ini telah diusahakan secara bersama diantara empat orang pengkaji iaitu Siti Najmija Muhamad Fauzi, Nur Syazwani Norman, Charumathy Ananthan dan Siti Nurfazila Jalaludin. Kajian ini melibatkan pelajar dari Kolej Kediaman Politeknik Seberang Perai. Produk inovasi ini dapat dibangunkan dengan jayanya untuk mengatasi isu pembelajaran yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi Politeknik Seberang Perai bagi mendapatkan nota ringkas bagi subjek Usul Fiqh. Tujuan pembangunan produk inovasi ini adalah untuk mengenalpasti masalah pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang sukar memahami isi dalam buku teks *Usul Fiqh & Kaedah Fiqh*. Dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi isu ini serta memudahkan kerja yang dilakukan agar dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam pemahaman fiqh. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata. Selain itu, tinjauan awal (*survey*) dijalankan diperingkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan bersesuaian dengan produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan juga turut dilakukan bagi mendapatkan maklumbalas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif bagi mengumpul data. Soal selidik bagi analisis keberkesanan telah diedarkan dan seramai 60 orang responden telah menjawab soalan tersebut. Majoriti responden sangat setuju terhadap pembangunan produk inovasi ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa keberkesanan produk inovasi ini berada pada tahap yang tinggi. Pengkaji yakin bahawa produk inovasi ini mampu diluaskan penggunaannya jika dipandang dari sudut komersial. Kesimpulannya, diharap agar kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan pengkaji lain untuk kajian pada masa akan datang.

Kata kunci: *nota ringkas, laman web, usul fiqh, inovasi, kajian*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian, skop kajian, takrifan istilah dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah dalam mendapatkan nota ringkas bagi kursus Usul Fiqh.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Politeknik Seberang Perai. Organisasi ini adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalakan operasi di kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Walau bagaimana pun, kajian ini tertumpu kepada masalah berkaitan isu pembelajaran yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi Politeknik Seberang Perai.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah pelajar dan mencari penyelesaiannya. Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah mereka tidak mempunyai nota ringkas bagi kursus Usul Fiqh. Oleh itu , kajian ini bertujuan untuk mencipta sebuah applikasi di laman sesawang dimana pelajar boleh mendapatkan nota-nota tersebut.

#### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Seramai 600 hingga 900 pelajar akan berjaya mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran bagi setiap sesi. Politeknik Seberang Perai menawarkan kursus melalui 4 jabatan iaitu Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan. Kesemua jabatan ini merangkumi pelbagai jurusan sepenuh masa dan separuh masa mengikut jabatan masing-masing sama ada di dalam program Diploma

Lanjutan, dan Diploma. Walaubagaimanapun, kajian ini telah dijalankan dalam Jabatan Perdagangan, semester 1 program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Diploma Kewangan dan Perbankan Islam direka untuk memperkenalkan kepada pelajar sistem perbankan dan kewangan Islam yang kini merupakan antara elemen perkhidmatan kewangan global yang paling pesat berkembang. Program ini juga memberi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Fiqh Muamalat, Ekonomi dari Perspektif Islam, Takaful, Pengurusan Risiko dalam Perbankan Islam, Perakaunan Institusi Kewangan Islam, Tadbir Urus Korporat di Institusi Kewangan Islam. Program ini juga mendedahkan pelajar kepada aspek operasi dalam Institusi Perbankan Islam dan bagaimana ia dapat memenuhi keperluan pembiayaan pelanggan serta pelaburan. Selain itu, konsep dan aplikasi produk Islam juga dapat dilindungi secukupnya.

Di samping program ini, pelajar juga akan diajar Matematik Perniagaan, Aplikasi Komputer, Prinsip Pemasaran, Statistik, Keusahawanan, Mikroekonomi, Makroekonomi, Projek Perniagaan dan Pangkalan Perakaunan untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan mereka dalam aspek komunikasi dan aspek kemahiran insaniah. Sebagai program yang menekankan pembelajaran kendiri serta kerja tangan, graduan program ini akan bersedia untuk menghadapi cabaran dan persaingan dalam dunia perbankan Islam. Syarat kemasukannya adalah penerima tawaran perlulah

berwarganegara Malaysia dan lulus SPM atau setaraf dengan memenuhi syarat-syarat minnum seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris , Sejarah, Matematik atau Matematik Tambahan atau mendapat 5 Kepujian dalam mana-mana matapelajaran yang lain yang belum diambil kira.

Menurut semakan pengkaji ke atas silibus, pelajar semester 1 DIB mempunyai kursus DPD10022 Usul Fiqh yang wajib diambil oleh semua pelajar . Jumlah jam kredit bagi subjek tersebut adalah 2.0 dan tiada peperiksaan akhir. Kursus Usul Fiqh ini adalah subjek yang berunsurkan ilmu tentang kaedah-kaedah mengistinbat hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf dari dalil-dalil tafsili. Ilmu usul fiqh merupakan sebahagian daripada ilmu syarak yang terbesar. Ia meletakkan garis panduan yang tepat bagi seorang mujtahid untuk mengistinbatkan sesuatu hukum, memelihara mujtahid daripada tergelincir dan menyimpang daripada kehendak syarak yang sebenar semasa berijtihad dan membuka kepada penyelesaian-penyelesaian hukum bagi setiap permasalahan dalam syarat Islam. Perbahasan dasar berkenaan ilmu usul fiqh ialah berkisar berkenaan dalil-dalil hukum syarak secara umum. Para ulama' membahagikan dalil-dalil ini kepada dua bahagian. Pertama, dalil yang disepakati

kehujahannya oleh kebanyakan ulama' iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Kedua, dalil yang menjadi perselisihan sebahagian besar ulama' berkenaan kehujahannya. Dalil-dalil tersebut seperti Istishab, Istihsan, 'Urf, Masalah Mursalah, Qawl Sahabi dan Syar' Man Qablana. Oleh itu, Istihsan termasuk salah satu dalil yang menjadi perselisihan sebahagian besar ulama' sama ada ia boleh digunakan sebagai salah satu sumber bagi pengeluaran hukum syarak ataupun tidak.

Semasa zaman Rasulullah S.A.W, penulisan dan pembukuan usul fiqh tidaklah menjadi keutamaan dan juga keperluan. Ini kerana baginda masih hidup dan berada di sisi para sahabat. Justeru, segala permasalahan fatwa dan penjelasan hukum dapat segera dirujuk kepada Nabi S.A.W yang menunjukkan tidak ada sebarang hajat untuk para sahabat berijihad ketika itu. Maka apabila tidak ada ijihad sudah pastilah manhaj-manhaj untuk istinbat juga tiada dan tiada keperluan untuk menyusun kaedah-kaedahnya. Setelah kewafatan Nabi S.A.W telah berlaku beberapa kejadian dan peristiwa yang dihadapi yang memerlukan proses ijihad itu berlaku serta usaha untuk mengistinbat hukum daripada al-Kitab dan al-Sunnah itu dijalankan. Akan tetapi, para fuqaha dari kalangan sahabat tidak merasakan keperluan untuk membincangkan berkenaan kaedah-kaedah ijihad serta jalan-jalan intuk beristidhal dan mengistinbat hukum. Ini kerana mereka sudah menguasai bahasa arab dan uslub-uslubnya, sudut pandang pendalilan, serta makna-maknanya.

Juga disebabkan pengetahuan mereka yang meliputi rahsia-rahsia pensyariatan dan hikmahnya dan mereka mengetahui sebab-sebab penurunan ayat al-Quran dan juga Sunnah. Demikianlah berlalunya generasi para sahabat dan ilmu usul fiqh masih belum ditulis dan dibukukan. Setelah berlalunya generasi para sahabat, negara-negara Islam makin berkembang pada zaman tabiin. Maka telah banyak berlakunya perkara-perkara baharu dan bercampurnya golongan arab dengan golongan ajam (bukan arab). Lalu banyaklah proses ijihad dan juga mujtahid. Ketika inilah bermulanya pembukuan ilmu usul al-fiqh. Dikatakan bahawa individu terawal yang menulis berkenaan usul fiqh adalah Imam al-Qadhi Abu Yusuf akan tetapi tidak sampai satupun kepada kita berkenaan itu. Yang meluas di sisi para ulama adalah orang yang pertama menulis ilmu ini adalah Imam al-Syafie melalui kitabnya al-Risalah. Beliaulah orangnya yang menulis ilmu ini dalam bentuknya yang tersendiri. Di dalam kitab tersebut beliau menyebutkan berkenaan al-Quran serta fungsinya menjelaskan hukum-hakam. Fungsi al-sunnah dalam

menjelaskan al-Quran, ijmak, al-qiyas, al-nasikh dan Mansukh, perintah dan juga larangan, berhujah dengan khabar ahad, dan seumpamanya dari perbahasan-perbahasan usul.

Kegunaan utama usul fiqh adalah untuk mengetahui kaedah-kaedah yang bersifat kulli (umum) dan teori-teori yang terkait dengannya untuk diterapkan pada dalil-dalil Tafsili (terperinci) sehingga dapat diambil hukum syara' yang ditunjukkannya. Dengan usul fiqh dapat dapat dicarikan jalan keluar menyelesaikan dalil-dalil yang kelihatan bertentangan satu sama lain. Sementara kegunaan utama fiqh untuk dapat menerapkan hukum syara' terhadap segala perbuatan dan perkataaan mukallaf. Fiqh hukum syara' terhadap segala perbuatan dan perkataaan mukallaf. Fiqh merupakan rujukan bagi hakim dalam menetapkan putusannya dan menjadi pedoman bagi mufti dalam mengeluarkan fatwa. Bahkan fiqh menjadi petunjuk berharaga bagi setiap mukallaf dalam menetapkan hukum perkataan dan perbuatannya sehari-hari.

Pembelajaran secara atas talian menjadi satu cabaran yang sangat besar dalam kalangan pelajar mahupun pensyarah. Terdapat pelbagai masalah yang timbul semasa sesi pembelajaran, antaranya ialah pelajar dan pensyarah tidak dapat akses internet yang pantas di lokasi masing-masing. Akses internet merupakan satu komponan utama bagi sesi pembelajaran. Seterusnya, pensyarah pula bertindak secara tungkus-lumus untuk menyediakan bahan bagi setiap bab untuk pelajar. Hal ini kerana, sesetengah subjek mempunyai buku dan nota kertas tetapi ia perlu dibeli oleh pelajar daripada pelajar senior ataupun di kedai buku. Kosnya tinggi juga kerana bukan semua bahan pelajar boleh diperoleh daripada kedai kerana semasa membeli bahan tersebut secara atas talian iaitu dalam satu aplikasi yang bernama *Shopee* ia akan mengenakan cas tambang sebagai tambahan dan perlu menunggu beberapa hari untuk terima. Tanpa membazirkan masa, pelajar akan diberi semua nota yang berkaitan secara *soft copy* oleh pensyarah.

Situasi inilah dimana masalah timbul. Pelajar seharusnya cetak nota-nota tersebut supaya senang semasa belajar, tetapi sesetengah pelajar tidak mempunyai mesin cetak dan mereka perlu pergi ke kedai cetak ataupun meminta sahabat untuk mencetakkan bahan tersebut. Terdapat juga pelajar yang tidak mencetak tetapi menyalin semula nota tersebut atas kertas ataupun buku. Selain itu, kehidupan pelajar telah berubah selepas bermulanya pandemik Covid-19. Mereka mula berkerja sebagai sambilan untuk menampung kos pembelajaran

mahupun mengurangkan bebanan keluarga. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran dan tidak mempunyai masa untuk menyiapkan kerja, mengulang kaji dan membuat nota mengenai subjek – subjek tertentu. Daripada kajian tersebut, pelajar kurang berpotensi untuk mendapatkan skor yang tinggi dalam kursus Usul Fiqh kerana tiada pemahaman yang mencukupi. Pembelajaran secara atas talian tidak semudah seperti belajar secara semuka.

### **1.3 PENGHASILAN E-FIQH DALAM MEMBANTU PELAJAR LEBIH MEMAHAMI SUBJEK USUL FIQH DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

Pengetahuan pelajar-pelajar DIB tentang kursus usul fiqh. Isu yang dihadapi oleh pelajar DIB dalam kursus usul fiqh.



Rajah 1.2

Menghasilkan nota-nota perlulah disertakan dengan mengambil kira dari segi kreativiti, ringkasan nota daripada buku-buku dan cara menghasilkan nota mengikut tajuk – tajuk yang ada. Masalah pelajar dalam menghasilkan nota daripada kursus ini sering dilihat apabila tibanya musim peperiksaan. Masalah ini sering berlaku dikalangan pelajar-pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai.

Seterusnya, melalui tinjauan semester sebelum ini pengkaji mendapati bahawa sesetengah pelajar DIB kurang minat dalam membuat nota ringkas bagi kursus ini. Kursus ini agak rumit untuk difahami kerana kandungan yang disampaikan meliputi fakta yang berkaitan dengan

fiqh-fiqh agama Islam. Kandungan yang disampaikan mengandungi sirah-sirah Nabi Muhammad SAW dan hadis-hadis yang disampaikan daripada Nabi Muhammad kepada umatnya. Selain itu, dalam kursus ini bukan sahaja pelajar berbangsa Melayu yang memilih program DIB namun terdapat beberapa pelajar berbangsa India dan Cina. Masalah yang dapat dikaji oleh pengkaji ialah pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami ilmu-ilmu tersebut terutamanya pelajar berbangsa India dan Cina. Sejak negara kita dilanda oleh virus Covid-19, semua rakyat Malaysia telah menghadapi banyak kesukaran dalam kehidupan masing-masing semasa perintah berkurung. Apabila Kemeterian Pendidikan Malaysia membuat pengumuman bahawa semua pelajar perlu teruskan sesi pengajian melalui atas talian, pelajar menghadapi situasi yang sangat sukar dan rumit. Begitu juga dengan semua guru dan pensyarah akademik.

Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pelajar DIB berkaitan subjek usul fiqh. Melalui penyelidikan pengkaji akan melakukan satu inovasi kepada para pelajar DIB untuk memudahkan mereka mengulangkaji bagi kursus tersebut. Inovasi ini dapat membantu pelajar DIB supaya menuntut ilmu terhadap fiqh-fiqh yang terdapat dalam Islam supaya menambahkan ilmu pengetahuan kita. Seperti yang terdapat dalam sebuah hadis, bahawa menuntut ilmu adalah wajib walaupun ia bukan minat seseorang.

*"Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap individu muslim."* (HR. Ibnu Majah, no.Hadith: 224)

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan pelajar-pelajar DIB untuk menuntut ilmu dan mengulangkaji berkaitan kursus usul fiqh. Ia dapat digunakan oleh mereka untuk menyampaikan ilmu-ilmu tersebut kepada orang lain

#### 1.4 **OBJEKTIF PROJEK**

Projek ini dijalankan untuk

- 1) Mengenal pasti masalah pelajar DIB yang sukar memahami isi yang disediakan dalam buku.

- 2) Menghasilkan laman web e-fiqh kepada pelajar DIB supaya dapat menggunakan nota yang disediakan dengan baik bagi memudahkan kerja yang dilakukan agar dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam pemahaman fiqh.

## **1.5 JUSTIFIKASI PROJEK**

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji memilih sistem e-fiqh sebagai inovasi.

Dengan adanya sistem ini, proses mengenal pasti tarikh luput produk dapat dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik.

### **1.5.1 Justifikasi Pemilihan Subjek Kajian**

Pengkaji memilih untuk mengkaji Ilmu Usul Fiqh. Ilmu fikah merupakan antara lapangan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu muslim yang mukallaf kerana di dalamnya terkandung syariat-syariat Allah S.W.T. yang perlu dilunasi. Oleh itu, pelajar DIB tidak terkecuali dalam menuntut ilmu fiqh. Justeru, hasil daripada kajian ini akan memberikan sedikit gambaran kepada pelajar DIB akan keperluan disiplin ilmu fikah sehingga menuntut setiap individu mempelajari serta menguasainya.

### **1.5.2 Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis SWOT/Analisis Keperluan Dan Kepenggunaan**

Pengkaji memilih untuk mengkaji masalah dalam membuat nota ringkas bagi kursus usul fiqh supaya pelajar DIB dapat memahami isi usul fiqh. Kajian ini adalah sangat penting untuk meneliti serta meningkatkan kefahaman para pelajar dalam pengajian usul fiqh. Ini adalah kerana, secara sedar atau tidak ada beberapa amalan sehari-hari kita yang bertepatan dengan disiplin - disiplin Ilmu Usul Fiqh, atau dengan kata lain Ilmu Usul Fiqh telah terjemah di beberapa aspek kehidupan kita. Dengan usaha dari pengkaji mengkaji mengembangkan usul ini, para pelajar juga akan turut berkembang dari masa ke semasa.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang Ilmu Usul Fiqh yang membincangkan berkaitan isu masalah dalam membuat nota ringkas bagi khusus Usul Fiqh di buku rujukan Usul Fiqh & Kaedah Fiqh yang ditulis Dr. Ab. Latif Muda dan Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin.

Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti masalah pelajar DIB yang sukar memahami isi yang disediakan di dalam buku. Kedua, mencadangkan kepada pelajar DIB supaya dapat menggunakan nota yang disediakan dengan baik bagi memudahkan kerja yang dilakukan agar dapat meningkatkan kefahaman pelajar DIB dalam pemahaman Fiqh . Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif ketiga iaitu mencadangkan inovasi untuk mencipta satu website dimana pelajar DIB yang mengambil khusus Usul Fiqh dapat menggunakan nota yang disediakan dengan baik bagi memudahkan kerja yang dilakukan. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi Usul Fiqh. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

## **1.7 TAKRIFAN ISTILAH**

Dr. Ab. Latif Muda (2019) memperincikan dalam bukunya, Usul Fiqh terbentuk daripada 2 perkataan iaitu Usul dan Fiqh dimana Usul dari segi bahasa bermaksud asas, iaitu apa yang dibina sesuatu atas di atasnya, sumber serta kaedah. Sedangkan menurut istilah, perkataan “Asl” tersebut bermaksud dalil sebagai contoh, ulama mengatakan, dalil tentang hukum masalah ini ialah ayat tertentu dari Al-Qur'an. Fiqh dari segi bahasa bermaksud mengetahui atau memahami tentang sesuatu. Dari sudut istilahnya pula, Fiqh ialah mengetahui tentang hukum-hukum syarak bersifat amali yang diperoleh daripada dalil-dalil terperinci.

Usul Fiqh bermaksud ilmu membahaskan kaedah-kaedah yang digunakan oleh mujtahid untuk mengeluarkan hukum syarak berkaitan perbuatan mukalaf daripada dalil-dalil tafsili. Antara ayat al-Quran yang menjadi paksi perbincangan pengertian usul fiqh ini ialah ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah iaitu firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang.” (Surah Al-baqarah 2:43)

Usul Fiqh ialah ilmu yang membahaskan tentang kaedah-kaedah yang dijadikan perantaraan untuk mengeluarkan hukum-hukum syarak berbentuk amali daripada dalil-dalil tafsili. Sebagai contoh untuk setiap tegahan atau lafaz al-Nahy menunjukkan hukum Haram, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-An'am yang bermaksud:

“Dan Janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah (membunuhnya) melainkan dengan (jalan) yang hak (yang dibenarkan oleh syarak).  
(Surah Al-An'am 6:151)

Dr. Ab. Latif Muda. (2019). *Usul Fiqh & Kaedah Fiqh*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

## 1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Politeknik Seberang Perai dimana kajian ini dikhususkan kepada pelajar DIB yang mengambil kursus Usul Fiqh. Memandangkan sekarang pelajar hanya belajar secara online disebabkan pandemik Covid-19, kajian yang dibuat ini boleh dikatakan penting untuk dijadikan rujukan dan memudahkan pelajar dengan hanya mencari maklumat di satu laman khusus iaitu E-Fiqh yang diinovasikan oleh kami kerana E-Fiqh ini merupakan ringkasan dalam buku yang telah dibeli. Selain dapat menjimatkan wang, pelajar juga mudah untuk fokus kepada setiap satu skop dalam buku Usul Fiqh . Skop kajian kami adalah tertumpu kepada subjek Usul Fiqh memandangkan pelajar bidang DIB sendiri mengambil subjek ini dan dapat dibuktikan bahawa Usul Fiqh ini sangat penting kepada pelajar dan pelajar juga dapat memberi lebih perhatian kepada subjek Usul Fiqh dengan adanya inovasi dari kami. Dengan cabaran masa kini yang telah dihadapi oleh pelajar, kajian ini juga dapat membantu pelajar untuk memberi lebih perhatian terhadap subjek ini kerana subjek ini agak sukar untuk difahami.

Kepentingan kedua adalah kepada masyarakat sendiri. Usul Fiqh merupakan perkataan yang bukan lagi asing untuk disebut pada masa kini. Ini kerana, Usul Fiqh ini sudah wujud pada zaman Rasulullah lagi. Oleh itu, kajian yang dibuat ini juga penting dan boleh memberi manfaat serta pengetahuan kepada orang ramai juga.

Kepentingan ketiga adalah kepada pengkaji akan datang. Kepentingan kajian ini dapat memberikan informasi-informasi dan data-data serta ilmu kepada pengkaji akan datang. Dengan adanya kajian ini juga, dapat memberikan kepentingan terhadap pengkaji masa

hadapan kerana dengan kajian ini dapat memberikan impak yang positif kerana E-Fiqh ini merupakan kajian dan inovasi baru dan juga Usul Fiqh ini penting dan boleh digunakan disetiap lapisan masyarakat.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkut paut dengan topik kajian ini, iaitu Usul Fiqh. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

#### **2.2 KAJIAN- KAJIAN LEPAS**

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan Usul Fiqh dan pembangunan laman E-fiqh.

##### **2.2.1 Kajian berkaitan Usul Fiqh**

Terdapat lima kajian berkenaan Usul Fiqh yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Muhamad Mazlan, Abdul Majid (2015) menyatakan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam adalah sederhana terkesan daripada beberapa faktor berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Ahmad Ghazali Ihsan (2017) menyatakan pada masa awal pembentukan ilmu Usul Fiqh, ilmu ini tidak berhenti mengikuti perkembangan zaman dan keperluan manusia. Perkembangan ilmu Usul Fiqh dapat dilakukan dengan falsafah ilmu, sehingga dapat diketahui dengan jelas sifat, sumber, kaedah kajian, dan kegunaannya.

Perkembangan ini akan membantu ilmu Usul Fiqh sentiasa hidup di tengah-tengah masyarakat, walaupun dengan perubahan zaman.

Seterusnya, Nurul Ain anuar Sharif (2018) menyatakan kaedah fiqh adalah tidak asing lagi dalam membuat suatu penghujahan dan juga menjadi rujukan yang minoriti selain dari dalil yang disepakati.

Selain daripada itu, menurut Romli, M. (2019), Usul Fiqh merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dikuasai dan dipelajari oleh pakar hukum ekonomi Islam pada masa kini.

Akhir sekali, Wan Norhaniza Wan Hasan (2020) menyatakan Fiqh merupakan ijtihad hukum yang dikeluarkan oleh ulama-ulama untuk mengeluarkan hukum yang relevan dengan keadaan semasa. Fiqh juga dilihat sebagai bidang ilmu yang sangat berpotensi untuk diperkembangkan aplikasinya secara menyeluruh dalam segenap urusan manusia.

### **2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan sistem E-Fiqh**

Adibah Hasanah (2018) melalui inovasinya telah mendapati bahawa satu inovasi kaedah pembelajaran berdasarkan projek (PBL) dijalankan untuk meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar dalam tajuk kaedah fiqh.

Selain itu, menurut Siti Fatimah Kasmuri (2018) kajian ini dilaksanakan untuk membincangkan tahap pengetahuan pelajar dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan fiqh dan usul fiqh.

Selanjutnya, kajian Faizal Husen Ismail, Arwansyah Kirin (2021) inovasi dijalankan iaitu untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan seterusnya mampu meningkatkan penguasaan dan penggunaan ilmu usul fiqh dalam memastikan undang-undang Islam serta seluruh ajarannya relevan dengan perkembangan zaman.

Selain daripada itu, Ifaniza dan Azmi (2020) mendapati bahawa, hasil dari mobile learning membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan dipermudahkan kepada pelajar-pelajar.

Akhir sekali, Norliza Hussin (2017) menyatakan penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Ini juga menunjukkan perisian yang dibangunkan tersebut membawa kepada satu inovasi syariah, adab dan akhlak Islamiyah, bidang usul fiqh, bidang akidah dan bidang portal video.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan sistem E-fiqh sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

#### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.

##### **3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi**

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 30 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

**Jadual 1**

Jadual di bawah merujuk kepada bilangan serta jantina responden yang terlibat dalam kajian yang telah dijalankan.


*Matlumat Demografi Responden*

		<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	8	20%
	Perempuan	22	80%
Kelas	DIB5A	7	24%
	DIB5B	22	74%
	DIB4A	-	-
	DIB4B	-	-
	DIB3A	-	-
	DIB3B	1	3%
	DIB2A	-	-
	DIB2B	-	-

**Jadual 2**

Terdapat 6 soalan yang berkaitan dalam soal selidik tersebut dengan aspek keperluan produk e-fiqh yang akan dibangunkan.


### Soalan 1



Rajah 2.1

Rajah 2.1 membincangkan tentang purata kelulusan kursus Usul Fiqh. Seramai 18 orang pelajar iaitu sebanyak 60% bersetuju bahawa mereka lulus kursus Usul Fiqh dan seramai 11 orang pelajar bersamaan dengan 37% sangat setuju bahawa mereka lulus kursus tersebut dengan memperoleh markah yang tinggi. Seterusnya, hanya seorang sahaja kurang setuju dalam aspek tersebut.


### Soalan 2



Rajah 2.2

Carta pai di atas membincangkan tentang minat pelajar untuk mempelajari kursus Usul Fiqh. Sebanyak 20 orang pelajar iaitu bersamaan dengan 67% telah bersetuju bahawa mereka berminat untuk mempelajari kursus Usul Fiqh. Seterusnya, sebanyak 5 orang pelajar iaitu bersamaan dengan 17% nyatakan bahawa mereka sangat setuju untuk mempelajari kursus tersebut. Selain itu, hanya 3 orang pelajar iaitu sebanyak 10% kuarang setuju dalam mempelajari kursus Usul Fiqh. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 2 orang pelajar yang bersamaan dengan 3% tidak bersetuju dalam mempelajari kursus Usul Fiqh tersebut.


### Soalan 3



Rajah 2.3

Rajah di atas menunjukkan kepentingan dalam mempelajari kursus Usul Fiqh. Kebanyakan iaitu seramai 16 orang pelajar bersamaan dengan 54% nyatakan bahawa mereka sangat setuju dalam kursus Usul Fiqh ini sangat penting. Manakala sramai 13 orang pelajar iaitu sebanyak 43% bersetuju. Seterusnya, hanya seorang pelajar saja kurang bersetuju bahawa kursus Usul Fiqh ini tidak penting.


#### Soalan 4



Rajah 2.4

Rajah di atas menggambarkan tentang tahap kefahaman pelajar terhadap isi kandungan buku teks Usul Fiqh. Seperti yang dijangkakan, kebanyakannya mereka tidak memahaminya iaitu seramai 10 orang pelajar yang bersamaan dengan 33% kurang setuju. Seterusnya, 8 orang pelajar iaitu sebanyak 30% telah bersetuju dan 6 orang pelajar sangat setuju bahawa isi kandungan tersebut mudah difahami. Selebihnya iaitu seramai 3 orang pelajar iaitu bersamaan dengan 10% dan 2 orang pelajar bersamaan dengan 7% tidak bersetuju bahawa isi kandungan dalam buku teks Usul Fiqh mudah difahami.

#### Soalan 5



Rajah 2.5

Rajah 2.5 membincangkan tentang padangan responden iaitu pelajar terhadap tahap keberkesanan system E-Fiqh. Seramai 24 orang pelajar iaitu bersamaan dengan 80% memberi pandangan yang positif. Pelajar sangat setuju bahawa system E-Fiqh ini akan menolong mereka. Seterusnya, 6 orang pelajar iaitu sebanyak 20% hanya bersetuju terhadap tahap keberkesanannya.

### Soalan 6



Rajah 2.6

Carta pie di atas menunjukkan keminatan pelajar untuk mempelajari kursus Usul Fiqh selepas sistem E-Fiqh diwujudkan. Pelajar sangat setuju bahawa mereka lebih berminat iaitu seramai 21 orang bersamaan dengan 70%. Seterusnya, seramai 8 orang pelajar iaitu sebanyak 27% hanya bersetuju manakala hanya seorang sahaja tidak mempunyai minat untuk mempelajari kursus tersebut walaupun sistem E-Fiqh diwujudkan.

### 3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Prosedur Teknik Penghasilan Projek ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolehgunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi

menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakaninya. Justeru itu, fasa penghasilan projek merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk e-fiqh untuk pelajar DIB.

### **Langkah 1**


Pertama sekali, pengkaji memulakan perbincangan untuk memilih tajuk kajian. Setiap ahli mula memberi idea untuk meneruskan projek. Setelah itu, pengkaji telah memutuskan untuk menjalankan kajian e-fiqh untuk membantu para pelajar Politeknik yang mengambil bidang usul fiqh. Projek ini dibangunkan untuk membantu para pelajar DIB dalam mempelajari bidang usul fiqh. Para pelajar dapat menggunakan kelebihan ini untuk terus mengembangkan ilmu fiqh.



Gambar 3.1

### **Langkah 2**

Seterusnya, pengkaji memutuskan untuk melakukan soal selidik kepada para pelajar DIB. Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui pengetahuan pelajar tentang e-fiqh serta menyelidik Soal selidik ini dilakukan melalui google form dan disebarluaskan melalui link kepada pelajar DIB yang mempelajari bidang usul fiqh. Sebanyak 30 responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini dengan katogari 80% pelajar perempuan dan 20% pelajar lelaki.



Gambar 3.2

### **Langkah 3**

Pembahagian tugas di bahagikan pengkaji, tugas dibahagikan kepada kerja pencari maklumat untuk membuat nota, penghasilan quiz dan pereka website. 3 pengkaji akan mengambil tugas pencarian maklumat untuk membuat nota usul fiqh, seorang pengkaji akan mereka website berdasarkan maklumat yang diperoleh lalu seorang pekaji diberi tanggungjawab dalam membangunkan website quiz. Maklumat berasaskan usul fiqh dirujuk melalui sumber dari buku Usul fiqh & Kajian Fiqh.

### **Langkah 4**


Pengkaji berusaha mencari maklumat melalui sumber dipercayai iaitu buku Usul fiqh & Kajian Fiqh hasil penulisan Ab. Latif Muda dan Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin. Pembahagian tugas dalam mencari maklumat dibahagikan mengikut fasa dan bab. Proses mencari maklumat akan dimulakan dengan menyenaraikan isi-isi penting mengikut kategori. Isi penting dari buku akan diringkaskan supaya lebih mudah difahami. Nota ini juga merupakan sepenuhnya dalam Bahasa melayu. Bahagian paling menarik ialah, nota ringkas adalah berasaskan infografik yang unik supaya nota kelihatan lebih menarik untuk dibaca para pelajar.



Gambar 3.3

### Langkah 5

Proses kajian ini mula memasuki bahagian yang sukar, iaitu proses dalam mencipta website. Website ini direka secara unik dengan menggunakan aplikasi Canva. Pada proses ini, pengkaji perlu peka dalam mengedit nota di website supaya tidak berlakunya kesilapan atau salah faham dalam ilmu usul fiqh. Pengkaji perlu menyenaraikan nota dengan berwaspada terhadap ejaan dan tata Bahasa. Nota juga akan disenarai mengikut fasa dan bab supaya pelajar lebih mudah untuk mencari bahagian untuk dipelajari. Link quiz juga akan diletakkan di website nota untuk digunakan pelajar.



Gambar 3.4

### Langkah 6

Pengkaji juga telah memutuskan untuk mencipta website kuiz untuk kegunaan pelajar. Website kuiz adalah bertujuan untuk menguji pelajar dalam memahami ilmu usul fiqh. Website kuiz ini

telah dibangunkan dengan menggunakan *quiziz*. Soalan yang diajukan dalam website ini adalah berasaskan nota ringkas yang diperoleh. Kuiz ini perlu disertakan nama supaya dapat melihat ranking para pelajar yang memperoleh markah berbeza. Soalan yang diperuntukkan adalah sebanyak 20 soalan 2 set setiap bab dalam Bahasa melayu.



Gambar 3.5

## Langkah 7

Akhir sekali, setelah website selesai dibangunkan, pengkaji akan mengongsikan link website kepada para pelajar untuk digunakan. Link website akan dikongsikan kepada pelajar melalui mesej di aplikasi Whatsapp supaya para pelajar juga dapat berkongsi ilmu dengan pelajar lain.

The image contains two screenshots of the e-Fiqh website. The left screenshot shows the homepage with the title 'e-Fiqh' in a stylized font, a definition of Usul Fiqh, and a red 'Mulakan membaca' button. Below it is a photo of a person writing in a notebook. The right screenshot shows a section titled 'Fasa 1: Pengenalan Usul Fiqh' with four video clips labeled 'Skop 1 Pengertian Usul Fiqh', 'Skop 2: Perbezaan Usul Fiqh Dan Fiqh', 'Skop 3: Perumbuhan &amp; Pemysuman Usul Fiqh', and 'Skop 4: Pertumbuhan Dan Pengembangan Ilmu Usul Fiqh'. Each video has a red 'Lihat Mata' button below it.



### Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem E-Fiqh seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Laman Web	Digunakan bertujuan bagi membangunkan sistem E-Fiqh
3.	Buku Teks Usul Fiqh	Digunakan bertujuan bagi merujuk untuk menyediakan nota-nota ringkas

### 3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (strengths, weaknesses, opportunities, threats).

Sugi Priharto (2019). Analisis SWOT menyusun kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman utama anda ke dalam senarai yang teratur, dan ia biasanya dibentangkan dalam bentuk bar grid mudah. Strengths (kekuatan) dan weaknesses (kelemahan) datang dari dalam syarikat anda. Perkara yang anda boleh kawal dan ubah. Contohnya termasuk ahli pasukan anda, paten dan

harta intelek anda serta lokasi anda. Opportunities (peluang) dan Threats (ancaman) ialah perkara luaran yang mempengaruhi perniagaan anda atau perkara yang berlaku di luar syarikat anda di pasaran yang lebih besar. Anda boleh memanfaatkan peluang dan bertahan daripada ancaman, tetapi anda tidak boleh mengubahnya. Contohnya termasuk pesaing, harga bahan mentah dan trend beli-belah pelanggan.

Melalui analisis SWOT, pengkaji memperolehi banyak kelebihan iaitu inovasi yang dijalankan dengan lebih baik. Selain itu, pengkaji juga dapat mengatasi kelemahan dengan penyelesaian yang lebih tepat. Melalui analisis SWOT ini, pengkaji dapat memanfaatkan peluang yang sedia ada dengan lebih tepay. SWOT dapat membantu pengkaji mengidentifikasi dan mengetahui masalah-masalah utama yang mempengaruhi kajian inovasi yang dilakukan oleh pengkaji. Menurut Rifqi Renanda (2021), analisis SWOT dapat digunakan untuk membantu menentukan objektif dan mengidentifikasi faktor internal dan eksternal yang baik dan tidak baik untuk mencapai objektif terebut.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian dan impak produk yang telah dijalankan. Seterusnya, bab ini juga merangkumi perbincangan bagi projek berdasarkan kekuatan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk serta impak produk bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kos penghasilan produk iaitu sistem E-Fiqh.

#### **4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN**

Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai hasil pengumpulan dan analisis data daripada kajian yang dijalankan terhadap keberkesanan sistem e-fiqh iaitu produk inovasi yang telah dibangunkan. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna untuk mengetahui kesan apabila membangunkan produk ini kepada orang ramai.

##### **4.2.1 Projek Jenis Nyata**

Bagi menyempurnakan produk inovasi yang dibangunkan, pengkaji juga telah menyediakan beberapa item soalan dan diedarkan kepada orang ramai untuk menguji keberkesanan website sistem e-fiqh. Kaedah-kaedah yang digunakan akan dinyatakan oleh pengkaji pada bahagian ini. Melalui kaedah ini dapat memudahkan pengkaji mengumpul data. Responden-responden boleh menyatakan cadangan yang perlu dibaiki oleh pengkaji mengenai produk inovasi yang dibangunkan.

###### **a) Analisis SWOT**

Analisis SWOT digunakan oleh pengkaji ketika menjalankan produk inovasi ini. Analisis ini digunakan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan produk inovasi yang dijalankan serta peluang dan ancaman bagi produk yang dibangunkan. Analisis SWOT ini membantu pengkaji mempertimbangkan kekuatan dari

perspektif dalaman dan pengguna-pengguna produk inovasi tersebut. Analisis ini juga dapat mengetahui kelemahan-kelemahan produk yang dihasilkan dan boleh dipertimbangkan selepas ini. Oleh itu, analisis SWOT dapat membantu pengkaji untuk melihat keberkesanan sistem e-fiqh yang telah dijalankan dan juga memberi kesan yang positif serta berguna kepada orang ramai.

### b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 60 responden. Sebanyak 10 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan produk inovasi sistem e-fiqh.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk sistem e-fiqh.

Bil	Item Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Website yang jelas dan menarik.		1	3	13	43
2.	Saiz tulisan yang digunakan mudah untuk dibaca dan menarik.		1	4	18	37
3.	Bentuk tulisan yang digunakan jelas dan menarik untuk dibaca sebagai rujukan.			5	15	40
4.	Kuiz yang digunakan adalah sangat mudah untuk dijawab sebagai ulangkaji.	2	4	11	21	22
5.	Isi kandungan yang jelas dan padat.		2	4	14	40

6.	Ayat yang digunakan mudah untuk difahami.			6	13	41
7.	Sistem e-fiqh dapat menambahkan pengetahuan saya mengenai subjek usul fiqh.		4	4	11	41
8.	Website e-fiqh mudah untuk dilayari.			4	19	37
9.	Sistem e-fiqh mudah untuk dijadikan rujukan kepada orang ramai		1	2	12	45
10.	Isi kandungan dalam sistem e-fiqh mudah untuk diimplementasikannya dalam kehidupan sehari-hari saya.		1	6	19	34

#### **4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)**

Dalam proses pembangunan produk inovasi ini, terdapat beberapa kelebihan, kekurangan dan juga masalah yang dihadapi. Dengan menggunakan analisis SWOT dalam perbincangan pembangunan produk, antara kelebihannya adalah pengkaji dapat mengetahui mengenai bagaimana dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji dapat menyokong dapatan kajian lepas dan dapat mengimplementasikan dalam pembangunan inovasi kajian pengkaji. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa masalah seperti kekangan masa dan sebagainya. Namun hal ini dapat diatasi dengan cara pengkaji membahagi tugas masing-masing sepanjang pembangunan produk inovasi iaitu sistem e-fiqh. Dalam dapatan kajian yang lepas iaitu kajian berkaitan subjek Usul Fiqh daripada Romli, M. (2019) menyatakan, Usul Fiqh merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dikuasai dan dipelajari oleh pakar hukum ekonomi Islam pada masa kini. Oleh itu, pengkaji dapat mengenal pasti masalah iaitu penguasaan pelajar tentang subjek Usul Fiqh. Dengan adanya sistem E-Fiqh dan juga dapatan kajian melalui *survey* dapat mengenal pasti masalah dan mempunyai jalan penyelesaian untuk mengatasinya.

### **4.3.1 IMPAK PRODUK**

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

Dari segi nilai pengkomersialannya, produk inovasi ini iaitu sistem e-fiqh mampu diluaskan penggunaannya. Isi kandungan yang ringkas dan padat dapat membantu pengguna untuk mempelajari dan mendalami subjek Usul Fiqh dengan lebih mendalam. Selain itu, sistem e-fiqh ini sangat mudah untuk dilayari jadi ia membolehkan pengguna menggunakan sistem ini dengan lebih mudah lebih-lebih lagi pada masa kini semuanya berada di hujung jari sahaja. Jadi dengan adanya sistem e-fiqh ini, sistem ini mampu berkembang dengan lebih luas lagi.

#### **a) Impak Produk Terhadap Kos**

Penggunaan sistem e-fiqh ini telah membantu ke arah penjimatan kos dari segi jumlah wang yang perlu dikeluarkan. Kos yang digunakan semasa penghasilan produk inovasi hanyalah dengan perlu membayar internet bulanan masing-masing bagi pengkaji sama-sama menghasilkan sistem e-fiqh ini. Tambahan pula, pengkaji hanya membayar pada setiap bulan sahaja. Selain itu, inovasi yang telah dibangunkan ini hanya menggunakan platform digital secara percuma sahaja. Jadi, pengguna tidak perlu mengeluarkan kos yang banyak dan hanya perlu mempunyai rangkaian internet untuk melayari website percuma ini.

#### **b) Impak Produk Terhadap Masa**

Penggunaan Sistem e-fiqh ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi kaedah pembelajaran berbanding dengan keadaan sebelumnya. Masa yang digunakan semasa membaca buku teks lebih banyak berbanding masa yang digunakan untuk membaca nota.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap masa

<b>BUTIRAN</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Masa Membaca Nota Dengan Menggunakan Buku Teks	1 Jam	30 Minit
Masa Untuk Memahami Isi Kandungan	10 Minit	3 Minit

**c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk**

Keberkesanan penggunaan sistem e-fiqh dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pelajar mahupun orang awam hal ini kerana sistem e-fiqh ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana jua.

**Jadual 4.2:**

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kecekapan	Memuaskan	Amat Baik
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

**4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK**

Bagi kos penghasilan produk, pengkaji tidak mengeluarkan kos yang banyak untuk membangunkan produk sistem e-fiqh. Semasa proses pembangunan produk , pengkaji hanya menggunakan internet bulanan. Seterusnya, bagi penghasilan produk iaitu laman web , pengkaji tidak menggunakan platform yang canggih untuk menghasilkan produk kerana bagi sesetengah laman web ia perlu membeli pakej istimewa yang bertaraf tinggi. Hal ini kerana , pakej tersebut mempunyai alat digital yang lebih kreatif. Namun begitu , pengkaji bercadang untuk menggunakan alat-alat yang sedia ada untuk mencipta produk inovasi yang telah dibangunkan.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi sistem E-Fiqh yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu dalam mendapatkan nota ringkas bagi kursus Usul Fiqh. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, pengkaji telah menemukan masalah para pelajar yang mempunyai masalah rumit dalam memahami ilmu usul fiqh daripada sumber buku. Pengkaji telah memilih untuk menjalankan analisis SWOT untuk merancangan strategik dan teknik pengurusan strategik yang membantu pelajar DIB berkenaan masalah pelajar dalam memahami nota usul fiqh di dalam buku. Justeru, oleh kerana wujudnya masalah ini, pengkaji telah memilih untuk menjalankan analisis kepada pelajar DIB. Oleh itu, pengkaji telah mewujudkan inisiatif untuk membantu para pelajar DIB dalam memahami ilmu fiqh dengan cara memperuntukkan nota-nota ringkas kepada pelajar. Disamping itu juga, pengkaji sebulat suara ingin mewujudkan website e-Fiqh yang mengumpulkan nota-nota ringkas usul fiqh untuk menjadi sumber ilmu kepada para pelajar DIB. Nota telah dikumpul dan diringkaskan menjadi nota ringkas dalam bentuk info grafik. Selain itu, pengkaji juga memperuntukkan soalan quiz yang mewakili setiap fasa dan bab yang dipelajar dalam bidangusul fiqh. Cara ini telah memberi manfaat kepada pengguna yang ingin mempelajari dan memahami ilmu fiqh. Dengan usaha dan bantuan rujukan daripada sumber yang sahih, projek ini telah memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Projek ini juga telah menunjukkan hasil yang positif daripada responden. Para responden menyatakan bahawa membangunkan website e-fiqh dengan memperuntukkan nota-nota ringkas yang mudah dipahami telah memudahkan responden dalam mempelajari ilmu fiqh sekali gus mempercepatkan daya pemahaman responden. Akhir sekali, pengkaji berharap

usaha dalam membangunkan website usul fiqh dapat membantu para pelajar DIB dalam memudahkan pembelajaran mereka serta meningkatkan daya pengetahuan mereka.

### **5.3 CADANGAN**

Hasil daripada kajian ini terdapat beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai.

#### **5.3.1 Cadangan Kepada Responden Utama Kajian**

Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji, inovasi sistem e-fiqh ini dapat membantu pelajar untuk memahami kursus usul fiqh dan juga dapat memudahkan pelajar untuk mengulang kaji pelajaran sebelum menduduki peperiksaan. Inovasi yang dijalankan memberi banyak maklumat-maklumat penting kepada pelajar yang mengambil program DIB. Melalui sistem e-fiqh ini, ia juga dapat membantu segala permasalahan pelajar untuk kursus usul fiqh. Inovasi ini juga memudahkan para pelajar untuk membawanya ke mana-mana sahaja kerana ia merupakan satu laman web yang mudah untuk dibawa dan membacanya. Inovasi ini sangat mudah kerana pelajar sering membawa telefon pintar mereka ke mana-mana dan pelajar hanya perlu melayari laman web tersebut di telefon pintar masing-masing.

#### **5.3.2 Cadangan Kepada Pengguna Yang Lain**

Seterusnya, projek inovasi sistem e-fiqh ini dapat memberi cadangan kepada pengguna yang lain kerana ilmu usul fiqh dapat memberi banyak pengetahuan kepada mereka. Inovasi ini bukan sahaja dibuat untuk memudahkan pelajar DIB semester satu, ia juga dapat menambahkan pengetahuan pengguna lain tentang ilmu agama. Ilmu agama Allah sangat luas untuk dipelajari. Pengguna-pengguna lain dapat mengetahui hukum-hukum yang telah disampaikan dalam al-Quran jika mereka melayari sistem e-fiqh ini. Mereka dapat mengetahui hukum wajib, Sunnah, haram dan makruh apabila melakukan sesuatu. Kepada pengguna yang menjalankan perniagaan, mereka dapat mengetahui hukum jual beli yang dibenarkan dalam Islam. Mereka juga dapat belajar larangan-larangan yang mempunyai unsur gharar, riba dan maisir

### **5.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Pada Masa Akan Datang**

Sistem e-fiqh ini dapat juga digunakan kepada generasi yang akan dating. Melalui inovasi ini pengkaji dapat melihat keberkesanan projek ini sebagai cadangan untuk membuat inovasi yang lain pada masa yang akan dating. Pengkaji dapat melihat inovasi ini sebagai permulaan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih menarik pada masa yang akan dating dan dijadikan inovasi e-fiqh sebagai rujukan.

## **5.4 LIMITASI KAJIAN**

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan di sebuah institusi pengajian tinggi iaitu Politeknik Seberang Perai sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar semester satu program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam , Jabatan Perdagangan. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan sistem pengurusan pangkalan data di Politeknik Seberang Perai.

Antara kekangan yang dihadapi oleh pengkaji ialah pengkaji tidak dapat hadir secara fizikal ke Politeknik Seberang Perai. Sejak wabak Covid-19 melanda negara, pihak atasan telah memutuskan untuk mengarahkan perintah kawalan pergerakan (PKP) dengan mengetatkan *standard operations procedure* (SOP). Oleh itu semua institusi pengajian tinggi telah memutuskan untuk mengarahkan pelajar supaya belajar secara atas talian di kediaman masing-masing dan bukannya di dalam bilik darjah institusi. Semasa menjalankan kajian, pengkaji tidak mendapat kebenaran untuk memasuki PSP bagi mengumpul data responden. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk meneruskan proses pengumpulan data responden melalui pautan dan diedarkan melaui atas talian iaitu *Whatsapp*.

Selain itu, penkaji juga tidak dapat bertemu secara fizikal untuk melakukan proses perbincangan tentang kajian yang dijalakan. Semua pengkaji tidak tinggal di negeri yang sama. SOP yang dikeluarkan oleh pihak atasan adalah sangat ketat. Rakyat hanya dibenarkan merentas negeri jika mereka mempunyai kecemasan atau perkara yang tidak dapat dielakkan. Proses merentas negeri sangat banyak iaitu orang ramai yang ingin bertindak untuk merentas perlu mendapatkan surat kebenaran pihak polis di balai polis berhampiran dengan bilangan orang yang terhad. Hanya rakyat yang mengambil dos lengkap vaksin sahaja dibenarkan untuk merentas negeri. Seterusnya, pengangkutan awam juga telah berkurangan akibat covid-19. Kos

pengangkutan awam juga agak tinggi. Oleh itu, pengkaji telah membuat menemuan secara maya iaitu atas talian untuk perbincangan.

Tambahan pula, semasa proses pembangunan projek pengkaji telah menghadapi masalah dari segi teknikal. Pengkaji tidak dapat mencipta laman web pada awalnya. Setiap platform yang dicuba menimbulkan masalah iaitu ia perlu membeli domain iaitu alamat web seperti *http://.com* dan perlu membayar untuk pengehosan yang bermaksud tempat untuk menyimpan kandungan dalam talian. Proses mencipta laman web lebih sukar kerana sesetengah platform memerlukan maklumat peribadi daripada pengguna untuk data pasaran. Selalunya data ini digunakan oleh penggodam untuk tujuan pencurian identiti dan penipuan lain. Laman web juga boleh digunakan untuk menghantar spam kepada individu. Proses tersebut mengambil masa yang agak lama untuk mengelak berlaku kecuaian. Oleh itu, pengkaji telah menonton tutorial di *youtube* untuk mengetahui cara untuk mencipta laman web tanpa kos dan menyimpan maklumat identiti pengkaji dalam keadaan selamat.

Di samping itu, pengkaji telah menghadapi kekangan dalam membuat soalan kuiz. Kuiz adalah salah satu produk tambahan dalam sistem E-Fiqh. Kuiz tersebut menrangkumi soalan-soalan berdasarkan kursus Usul Fiqh. Tujuan kuiz ini adalah untuk menguji tahap kefahaman pelajar selepas mendapatkan dan membaca nota-nota ringkas kursus tersebut daripada sistem E-Fiqh. Kuiz ini mempunyai 8 set dan dalam setiap set mempunyai 5 ke 10 soalan. Pengkaji telah bercadang untuk membuat kuiz yang berdurasi panjang dan pelajar boleh menjawab pada bila-bila masa. Semasa memantau aplikasi yang boleh cipta kuiz, pengkaji tidak menemui aplikasi yang sesuai. Ada yang terpaksa mengeluarkan kos yang sangat tinggi untuk menetapkan tempoh respons yang lebih lama. Selepas membuat carian, pengkaji telah menemui cara yang betul untuk membuat kuiz iaitu dalam aplikasi *Quizizz*. Dalam aplikasi sedemikian, boleh tetapkan kepada semua orang dan selama-lamanya. Pautan bagi setiap set kuiz akan dimasukkan ke dalam laman web sistem E-Fiqh.

## 5.5 RUMUSAN

Sebagai rumusannya, objektif untuk memastikan bahawa sistem ini berjalan dengan lancar telah tercapai. Tujuan utama bagi inovasi sistem E-Fiqh adalah untuk memudahkan kerja dan dapat memberi kefahaman kepada pelajar dalam memahami isi kandungan buku teks Usul Fiqh. Setiap sistem mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Bagi sistem E-Fiqh juga terdapat beberapa limitasi semasa penghasilan projek. Namun begitu, secara kesuluruhannya

inovasi sistem ini merupakan satu projek yang telah berjaya dilaksanakan. Kerana itu, sistem E-Fiqh adalah satu produk inovasi yang dihasilkan oleh pengkaji bagi menyediakan satu sistem berkualiti kepada semua lapisan masyarakat khususnya kepada pelajar DIB yang mengambil kussus Usul Fiqh.

## **RUJUKAN**

*Romli, M. (2019). Ushul Fiqh Sebagai Kerangka Berpikir Dalam Istinbath Hukum Ekonomi Islam. Al-Kharaj : Jurnal Ekonomi, Keuangan & Bisnis Syariah, 1(2), 167-174.*

Muhamad Mazlan, Abdul Majid (2015) Penggunaan istilah fiqh dalam kalangan murid sekolah rendah: Kajian di sekolah- sekolah rendah dalam zon Pudu, Wilayah Persekutuan / Muhamad Mazlan Abdul Majid. Masters thesis, Universiti Malaya.

Ismail, N.I. and Wan Hasan, W.N. 2020. Aplikasi Fiqh dalam Pembangunan. ‘Abqari Journal. 23, 1 (Sep. 2020), 48-59.

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no1.219>.

Sugi Priharto (2019) Kelebihan Analisis SWOT [https://idcloudhost.com/analisis-swot-pengertian-kelebihan-dan-kekurangannya/#Kelebihan\\_Analisis\\_SWOT](https://idcloudhost.com/analisis-swot-pengertian-kelebihan-dan-kekurangannya/#Kelebihan_Analisis_SWOT)

## LAMPIRAN

### a) Borang Soal Selidik

Bil	Item Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Website yang jelas dan menarik.		1	3	13	43
2.	Saiz tulisan yang digunakan mudah untuk dibaca dan menarik.		1	4	18	37
3.	Bentuk tulisan yang digunakan jelas dan menarik untuk dibaca sebagai rujukan.			5	15	40
4.	Kuiz yang digunakan adalah sangat mudah untuk dijawab sebagai ulangkaji.	2	4	11	21	22
5.	Isi kandungan yang jelas dan padat.		2	4	14	40
6.	Ayat yang digunakan mudah untuk difahami.			6	13	41
7.	Sistem e-fiqh dapat menambahkan pengetahuan saya mengenai subjek usul fiqh.		4	4	11	41
8.	Website e-fiqh mudah untuk dilayari.			4	19	37
9.	Sistem e-fiqh mudah untuk dijadikan rujukan kepada orang ramai		1	2	12	45
10.	Isi kandungan dalam sistem e-fiqh mudah untuk		1	6	19	34

	diimplementasikabn dalam kehidupan sehariyan saya.					
--	--	--	--	--	--	--

## b) Laman website sistem E-Fiqh

The image displays four screenshots of the e-Fiqh website, illustrating its user interface and features:

- Screenshot 1:** Home page with a large "e-Fiqh" logo and a call-to-action button "Mulai sekarang". Below the logo is a text box explaining the purpose of e-Fiqh and a "Mulai sekarang" button.
- Screenshot 2:** "Fasa 1: Pengenalan Usul Fiqh" (Phase 1: Introduction to Usul Fiqh). It shows four steps: Step 1: Persepsi Usul Fiqh (Perception of Usul Fiqh), Step 2: Pendidikan Usul Fiqh (Education of Usul Fiqh), Step 3: Penerapan & Penyelesaian Usul Fiqh (Application & Resolution of Usul Fiqh), and Step 4: Pemanfaatan Dari Persepsi Usul Fiqh (Utilization of Usul Fiqh). Each step has a "Lihat" (View) button.
- Screenshot 3:** "Fasa 2: Sumber Hukum" (Phase 2: Sources of Law). It shows three steps: Step 1: Dari Empat! (From Four!) - Merujuk kepada empat sumber hukum dalam Islam, Step 2: Bukan Dalam Bapakku (Not in my father's house) - Proses untuk mendekati sumber hukum secara langsung, and Step 3: Bapak, Tugid & Tuju (Father, Tugid, and Tuju) - Perjalanan melalui empat tahapan (Bapak, Tugid, Tuju). Each step has a "Lihat" button.
- Screenshot 4:** "Uji pengetahuan anda" (Test your knowledge). It shows three steps: Step 1: Pengenalan Usul Fiqh (Introduction to Usul Fiqh), Step 2: Persepsi Usul Fiqh (Perception of Usul Fiqh), and Step 3: Penerapan & Penyelesaian Usul Fiqh (Application & Resolution of Usul Fiqh). Each step has a "Olah" (Work) button.